

## Penerangan Penjaga Ad Litem (versi biasa)

---

---

Tuan / Puan,

Untuk melindungi kepentingan anda dari segi undang-undang, Mahkamah telah melantik seorang Penjaga Ad Litem bagi memelihara hal ehwal hubungan kekeluargaan anda. Berikut adalah penerangan ringkas mengenai Penjaga Ad Litem yang berkaitan untuk anda fahami:

### I. Apakah Penjaga Ad Litem?

Penjaga Ad Litem adalah pengantara di antara anda dan pihak mahkamah demi mengukuhkan perlindungan hak dan kepentingan anda dari segi undang-undang dan pengurusan hal ehwal kekeluargaan yang berkesan.

### II. Siapa yang boleh dilantik sebagai Penjaga Ad Litem? Berapa bilangan?

Pihak kebijakan sosial, kakitangan institusi kebijakan sosial, Persatuan Peguam, Persatuan Kerja Sosial atau lain-lain kakitangan yang bersesuaian yang disyorkan oleh Persatuan Kebajikan. Penjaga Ad Litem akan dilantik oleh Mahkamah. Mahkamah akan mempertimbangkan keperluan sebenar kes dan tidak terhad kepada seorang Penjaga Ad Litem sahaja.

### III. Kandungan tugas Penjaga Ad Litem

1 Menjaga kepentingan orang yang diselia dengan cara yang terbaik: Tugas Penjaga Ad Litem adalah memastikan hubungan baik anda dengan saudara-mara keluarga yang lain, keadaan hidup yang selesa dan keadaan emosi yang stabil demi melindungi segala kepentingan anda. Sekiranya

terdapat konflik berkepentingan, Penjaga Ad Litem mestilah melaporkan kepada pihak mahkamah.

- 2 Mengurus prosiding: Penjaga Ad Litem anda boleh mengurus semua prosiding untuk anda, dan boleh mengemukakan sebarang rayuan atau enggan menerima penyataan yang lain. Walau bagaimanapun, jika undang-undang hanya membenarkan prosiding anda sendiri, Penjaga Ad litem tidak boleh campur tangan.
- 3 Pemerolehan dokumen litigasi: Penjaga Ad item boleh membuat petisyen mahkamah untuk permohonan membaca fail, menyalin fail dan maklumat yang berkaitan.
- 4 Penerangan mengenai prosiding: Penjaga Ad Litem akan memberi penerangan mengenai prosiding yang sewajarnya mengikut umur anda, dan cara yang mudah difahami serta memaklumkan anda butir-butir kes / insiden (iaitu hubungan undang-undang) prosedur dan akibat kemungkinan.
- 5 Temubual dengan orang yang diselia:  
Penjaga Ad Litem akan berbincang dengan anda jika terdapat keperluan, tetapi akan mengambil kira kepentingan yang terbaik bagi anda dan terhad kepada keperluan minimum bagi mengelakkan tekanan dan kesulitan kepada hubungan kehidupan keluarga anda, dan mengelakkan daripada membuat kenyataan-kenyataan yang berulang kali.
- 6 Temubual dengan ahli keluarga tertentu yang terlibat di dalam proses pengantaraan atau prosiding damai: Mahkamah akan menimbang sesuatu kes bergantung kepada sejauh mana peristiwa, hasrat dan harapan bagi menguruskan prosiding dengan harmoni di antara pihak-pihak yang terlibat, membenarkan Penjaga Ad Litem yang berlesen berbincang

dengan keluarga tertentu, menganalisa kepentingan dan kesan kemungkinan peristiwa, dan mengambil bahagian dalam proses pengantaraan atau prosiding damai.

7 Mengemukakan laporan dan cadangan secara bertulis atau lisan:

Bagi memastikan prosiding berjalan dengan lancar dan Penjaga Ad Litem memainkan fungsi dengan sempurna, anda boleh mengemukakan laporan dan cadangan kepada mahkamah berdasarkan: 1. keupayaan pemahaman anda; 2. kesanggupan, kesesuaian atau kesediaan untuk hadir di mahkamah bagi mengemukakan pandangan anda; 3. lain-lain permintaan seperti tempat, alam sekitar, cara dan masa yang sesuai untuk menjalani prosiding dan membantu kes anda atau fakta kes anda supaya difahami oleh pihak mahkamah.

IV. Proses yang terlibat apabila terdapat perbezaan pendapat dan tindakan di antara Penjaga Ad Litem dan orang yang diselia  
(Apabila tingkah laku prosiding dilakukan oleh Penjaga Ad Litem tidak sama atau bertentangan dengan anda):

- 1 Jika anda adalah orang yang tidak berkeupayaan untuk menguruskan kes (sebagai contoh orang yang di bawah umur 7 tahun atau diisyiharkan oleh penjaga sebagai tidak berkeupayaan menyatakan pendirian, tidak berkeupayaan untuk mengenal pasti kepentingan), mahkamah hendaklah memerintahkan Penjaga Ad Litem untuk bertindak sebagai pengantara yang dibenarkan untuk memutuskan sesuatu kes.
- 2 Jika anda dalam keadaan berkeupayaan prosiding (sebagai contoh Penjaga Ad Litem berharap untuk mencapai

penyelesaian di prosiding mahkamah, dan anda tidak bersetuju dengan penyelesaian itu), ia akan menggunakan keputusan yang dijatuhi oleh mahkamah.

V. Saya telah melantik seorang peguam, bolehkah mahkamah juga melantikkan Penjaga Ad Litem kepada saya?

Penjaga Ad Litem dan peguam yang dilantik mempunyai fungsi dan tanggungjawab yang berbeza. Walaupun pihak-pihak yang terlibat telah melantik peguam mereka sendiri, mahkamah berhak memutuskan, selaras dengan Undang-Undang Pelantikan Hal Ehwal Kekeluargaan, boleh menurut petisyen atau kuasa melantik Penjaga Ad litem anda.

VI. Yuran dan ganjaran Penjaga Ad Litem

Mahkamah berhak memutuskan apa-apa pertimbangan mengenai ganjaran Penjaga Ad Litem. Ganjaran ini adalah sebahagian daripada kos prosiding sesuatu kes. Mahkamah akan membuat keputusan di akhir perbicaraan mengenai jumlah kos prosiding yang terlibat dan berapa banyak bayaran pampasan yang dikenakan kepada sesuatu pihak. Apabila perlu, Mahkamah akan meminta pihak atau orang yang berkepentingan untuk membayar jumlah bahagian pertama ganjaran Penjaga Ad Litem.